

GIGIHNYA MAHASISWA BERNIAGA SEMASA PKP

Oleh : Salsabila binti Mohd Nasir, 1171164,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 1 Ogos 2020



Ramai mahasiswa mengambil kesempatan untuk bergiat dalam bidang keusahawanan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan untuk mengekang penularan COVID-19.

Mereka melakukan kegiatan itu bagi mengisi masa lapang sebelum menyambung sesi pengajian seperti biasa setelah kampus kembali dibuka.

Fasa awal PKP menyaksikan premis-premis perniagaan tidak dapat dibuka seperti biasa justeru melonjakkan kegiatan perniagaan secara dalam talian atau e-dagang.

Kegiatan e-dagang yang menyaksikan nilai transaksi RM24.6 bilion pada 2017 berkembang semakin pesat semasa pelaksanaan PKP.

Terdapat banyak platform seperti Facebook dan Instagram yang boleh digunakan untuk usahawan yang ingin mengembangkan operasi perniagaan mereka.

Bagi golongan mahasiswa pula, mereka boleh bergiat dalam e-dagang untuk mengasah kemahiran dalam bidang perniagaan.

Malah, kegiatan perniagaan dalam talian yang dilakukan secara sambilan boleh dinyatakan dalam resume sebagai pengalaman yang boleh dipertimbangkan oleh bakal majikan.

Ilmu yang ditimba di universiti pula membolehkan para mahasiswa melakukan kegiatan perniagaan dalam talian secara profesional dan sistematik.

Antara perniagaan dalam yang dijalankan oleh ramai mahasiswa ketika PKP berlangsung adalah penjualan produk kesihatan Shaklee. Sekurang-kurangnya 10 mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terlibat dalam kegiatan ini.

Selain itu, ada juga mahasiswa USIM yang menjalankan perniagaan yang popular seperti menjual produk Chocojar serta *dropship* menjual pakaian.

Mereka juga saling menyokong antara satu sama lain dengan membentuk rangkaian perniagaan untuk memasarkan produk yang sama.

Peluang perniagaan yang timbul semasa pelaksanaan PKP seharusnya direbut oleh para mahasiswa untuk mencari pendapatan sampingan yang boleh digunakan bagi menampung sebahagian kos pengajian di universiti.

Sebelum ini, mahasiswa berdepan kekangan waktu untuk berniaga kerana jadual akademik yang padat serta banyak tugas yang perlu disiapkan.

Jika perniagaan yang dijalankan secara dalam talian ini berkembang pesat dan maju, mereka boleh menjadikannya sebagai punca pendapatan utama selepas menamatkan pengajian kelak.

Dari sudut positif, mahasiswa yang bergelar usahawan ini tidak perlu lagi bimbang tentang kesukaran mendapatkan pekerjaan kerana mereka sudah mempunyai kerjaya sendiri dalam bidang perniagaan.